

25/05/1997

Pindaan Akta Pengambilan Tanah untungkan pemilik

KOTA KINABALU: Pindaan Akta Pengambilan Tanah yang dijangka berkuat kuasa Julai ini akan membolehkan pembangunan bersepadu dijalankan di sesuatu kawasan dengan mengambil kira keuntungan kepada pemilik tanah terbabit.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu Sukam, berkata ia secara langsung dapat meyakinkan semua pihak bahawa proses pengambilan tanah bagi tujuan pembangunan ekonomi tidak disalahgunakan oleh kerajaan negeri.

Menurutnya, melalui usaha menjadikan tiga peraturan dalam akta terdahulu sebagai undang-undang, pemilik tanah boleh mendapat faedah maksimum apabila sesuatu projek pembangunan ekonomi dimajukan di tanah mereka.

"Bagaimanapun, ia bukan bermakna peruntukan akta sebelum ini tidak lengkap atau membebankan rakyat, tetapi prosedur yang disediakan Kerajaan Persekutuan tidak diikuti sepenuhnya oleh kerajaan negeri sehingga mendapat tentangan orang ramai.

"Akibatnya, tohmahan dilemparkan kepada Kerajaan Pusat kononnya kita tidak mengambil kira kepentingan rakyat dalam hal itu," katanya kepada pemberita selepas mengiringi Yang Dipertua Negeri, Tun Sakaran Dandai melawat Pameran Fotografi Ulang Tahun Umno Ke-50 anjuran bersama Umno Sabah dan akhbar New Straits Times (NST), di Wisma Muis di sini, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kekesalan Perdana Menteri di London, kelmarin, mengenai sikap sesetengah kerajaan negeri Barisan Nasional (BN) yang tidak memberi kerjasama rapat dan mempunyai pendirian berbeza dengan kerajaan Pusat.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberikan contoh perbezaan pendirian dari segi penyelarasan undang-undang Islam dan pengambilan tanah antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat.

(END)